



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**ELAUN PELABURAN SEMULA
BAHAGIAN II–
AKTIVITI PERTANIAN
DAN BERSEPADU**

KETETAPAN UMUM NO. 11/2022

TARIKH PENERBITAN: 27 DISEMBER 2022



**ELAUN PELABURAN SEMULA
BAHAGIAN II – AKTIVITI PERTANIAN
DAN BERSEPADU**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 11/2022
Tarikh Penerbitan: 27 Disember 2022**

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi Ketiga

Edisi Kedua 10 November 2020

Edisi Pertama pada 22 Disember 2017

© 2022 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



KANDUNGAN	Muka Surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Kelayakan Menuntut Elaun Pelaburan Semula	1
5. Tempoh Minimum Operasi	2
6. Projek Pertanian	2
7. Projek Bersepadu	3
8. Tempoh yang Layak	13
9. Layanan Cukai	13
10. Elaun Pelaburan Semula yang Tidak Dapat Diserap	14
11. Prosedur Tuntutan	26
12. Kemas Kini dan Pindaan	26
13. Penafian	27

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk membantu syarikat bermastautin di Malaysia yang menjalankan aktiviti pertanian dan bersepadu dalam menentukan kelayakan syarikat untuk menuntut elaun pelaburan semula (EPS) serta memberi penjelasan berhubung dengan—

- (a) projek yang layak untuk EPS;
- (b) perbelanjaan yang layak untuk EPS;
- (c) tempoh kelayakan;
- (d) pengiraan EPS; dan
- (e) tempoh had masa untuk menyerap baki EPS.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 133A dan Jadual 7A.

3. Tafsiran

Bagi maksud KU ini, perkataan “operasi” ertinya sesuatu aktiviti yang terdiri daripada menjalankan suatu perniagaan yang dirujuk dalam perenggan 8 Jadual 7A ACP.

4. Kelayakan Menuntut Elaun Pelaburan Semula

EPS merupakan suatu insentif cukai khas yang diberikan kepada syarikat bermastautin di Malaysia yang –

- (a) telah beroperasi untuk tempoh tidak kurang daripada 36 bulan; dan
- (b) telah melakukan dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran (TT) perbelanjaan modal bagi tujuan projek yang layak di bawah subperenggan 8(a) atau (c) Jadual 7A ACP atau kedua-dua subperenggan tersebut seperti berikut:

- (i) sebuah projek yang dijalankan oleh syarikat dalam memperbesarkan, memodenkan atau mengautomasikan perniagaan sedia ada berhubung dengan pengilangan produk atau mana-mana produk yang berkaitan dalam industri yang sama atau dalam mempelbagaikan perniagaan sedia ada dalam mana-mana produk yang berkaitan dalam industri yang sama;
- (ii) suatu projek pertanian yang dijalankan oleh sebuah syarikat dalam memperbesarkan, memodenkan atau mempelbagaikan perniagaan penanaman dan pertanian tetapi tidak termasuk perniagaan menternak ayam dan itik.

Bagi maksud EPS, syarikat yang menjalankan aktiviti pertanian adalah termasuk koperasi yang berasaskan pertanian, Persatuan Peladang Kawasan, Persatuan Peladang Kebangsaan, Persatuan Peladang Negeri, Persatuan Nelayan Kawasan, Persatuan Nelayan Kebangsaan dan Persatuan Nelayan Negeri.

5. Tempoh Minimum Operasi

Suatu syarikat hendaklah telah beroperasi selama 36 bulan atau lebih untuk layak menuntut EPS bagi suatu projek yang layak. Tempoh operasi dikira dari tarikh syarikat memulakan projek pertanian yang dipilih.

6. Projek Pertanian

- 6.1 EPS diberikan kepada mana-mana syarikat yang menjalankan suatu projek pertanian bagi memperbesarkan atau memodenkan atau mempelbagaikan perniagaan penanaman dan perladangan tetapi **tidak termasuk perniagaan menternak ayam dan itik.**
- 6.2 Perbelanjaan modal berhubung dengan projek pertanian bermaksud perbelanjaan modal yang dilakukan berkaitan dengan—
 - (a) pembersihan dan penyediaan tanah;
 - (b) penanaman tanaman;
 - (c) penyediaan sistem pengairan atau sistem saliran;
 - (d) penyediaan loji dan jentera;
 - (e) pembinaan jalan akses termasuk jambatan; atau

- (f) pembinaan atau pembelian bangunan (termasuk bangunan yang diperuntukkan untuk kebajikan orang atau sebagai tempat kediaman orang) dan penambahbaikan struktur atas tanah atau struktur lain,

bagi maksud pengeluaran makanan ke atas mana-mana aktiviti berikut:

- (i) penanaman padi dan jagung;
- (ii) penanaman sayur-sayuran, umbi dan akar-akar;
- (iii) penanaman buah-buahan;
- (iv) penternakan;
- (v) peneluran, pembiakan atau pengkulturan hasil-hasil akuatik; dan
- (vi) mana-mana aktiviti lain yang diluluskan oleh Menteri.

6.3 Aktiviti yang tersenarai di bawah perenggan 6.2(i) hingga (vi) adalah untuk menggalakkan pengeluaran makanan. Oleh itu peneluran, pembiakan atau pengkulturan ikan hiasan, pengkulturan mutiara dan penanaman bunga adalah **tidak termasuk** dan **tidak layak** untuk EPS. Penanaman kelapa sawit, kopi, koko, kelapa dan tanaman yang serupa **tidak termasuk** sebagai penanaman buah-buahan dan dengan itu tidak layak untuk EPS.

7. Projek Bersepadu

7.1 Sebuah syarikat boleh menjalankan kedua-dua aktiviti pertanian dan aktiviti pengilangan sebagai suatu projek bersepadu yang merupakan satu punca pendapatan perniagaan. Jika hasil pertanian yang digunakan dalam aktiviti pengilangan projek bersepadu itu dibeli daripada pihak ketiga, apa-apa EPS bagi aktiviti pengilangan itu hanya boleh ditolak daripada pendapatan berkanun bagi aktiviti pengilangan yang menggunakan hasil pertanian yang dibeli tersebut.

Bagi maksud perenggan ini, sila rujuk KU No. 10/2022 bertajuk Elaun Pelaburan Semula Bahagian I – Aktiviti Pengilangan yang menerangkan mengenai EPS yang diberikan kepada syarikat yang melakukan perbelanjaan modal berhubung dengan projek pengilangan di bawah subperenggan 8(a) Jadual 7A ACP.

Contoh 1

Syarikat A menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun dan telah menjalankan aktiviti berikut sejak 2010:

- | | | |
|----------------------------------|---|------------------|
| (a) Penanaman nenas; dan | } | Projek bersepadu |
| (b) Pengilangan nenas dalam tin. | | |

Syarikat mempunyai ladang nenas seluas 10 ekar. Buah segar dari ladang akan dihantar ke tiga-tiga (3) loji pengilangan syarikat untuk mengeluarkan nenas dalam tin. Bagi memenuhi permintaan pasaran untuk nenas dalam tin, syarikat perlu membeli buah segar dari ladang yang berdekatan dan penanam berskala kecil lain.

Pada 2018, Syarikat A telah menjalankan aktiviti berikut:

- (a) Aktiviti pertanian

Syarikat telah memutuskan untuk menjalankan suatu projek yang layak dengan membersihkan dan menyediakan dua (2) ekar tanah tambahan untuk menanam nenas dengan kos RM50,000¹.

- (b) Aktiviti pengilangan

Syarikat membeli jentera baharu untuk loji pengilangan kedua pada kos RM100,000² untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran nenas dalam tin.

Jumlah kos pengeluaran dalam tahun 2018

	RM
Jumlah kos pengeluaran nenas segar dari ladang sendiri	1,000,000 ³
Jumlah kos membeli nenas tambahan	350,000 ⁴
	<u>1,350,000⁵</u>

EPS dibenarkan untuk perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas projek yang layak.

Projek yang layak	Perbelanjaan modal RM	Perbelanjaan modal yang layak bagi EPS RM
1. <u>Aktiviti pertanian</u> Pembersihan dan penyediaan tanah ladang tambahan untuk menanam nenas (pembesaran perniagaan)	50,000 ¹	$50,000 \times 60\% = 30,000^6$
2. <u>Aktiviti pengilangan</u> Mesin baharu untuk loji pengilangan kedua bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran nenas dalam tin (pembesaran perniagaan)	100,000 ²	$100,000 \times 60\% = 60,000^7$
Pembahagian berdasarkan kos nenas dari ladang sendiri dan kos nenas yang dibeli:		
(a) Projek bersepadu (pertanian dan pengilangan menggunakan nenas dari ladang sendiri)	$\frac{1,000,000^3 \times 60,000^7}{1,350,000^5} = 44,444^8$	
(b) Pengilangan menggunakan nenas yang dibeli	$\frac{350,000^4 \times 60,000^7}{1,350,000^5} = 15,556^9$	

Penggunaan EPS bagi setiap projek yang layak:

Huraian	Projek bersepadu (pertanian dan pengilangan menggunakan nenas dari ladang sendiri) RM	Aktiviti pengilangan menggunakan nenas yang dibeli RM
EPS (pembersihan dan penyediaan tanah ladang tambahan)	30,000 ⁶	Tidak berkaitan
EPS (jentera baharu untuk pengilangan nenas dalam tin)	44,444 ⁸	15,556 ⁹
Jumlah EPS	74,444	15,556
EPS terhad kepada 70% daripada pendapatan berkanun	$(70\% \times 185,185^{13} =$ 129,630 terhad kepada 74,444 ¹⁰)	$(70\% \times 64,815^{14} = 45,371$ terhad kepada 15,556 ¹¹)

Menurut perenggan 4A Jadual 7A ACP, tuntutan syarikat untuk EPS adalah seperti berikut:

Huraian	RM	Projek bersepadu (pertanian dan pengilangan menggunakan nenas dari ladang sendiri) RM	Aktiviti pengilangan menggunakan nenas yang dibeli RM
TT 2018			
Pendapatan kasar	3,250,000		
Tolak: Perbelanjaan yang dibenarkan di bawah seksyen 33 dan elaun Jadual 3	3,000,000		
Pendapatan berkanun	250,000 ¹²	185,185 ¹³	64,815 ¹⁴
EPS (pembersihan dan penyediaan tanah ladang tambahan)	30,000 ⁶		


EPS (jentera baharu)	60,000 ⁷		
Pembahagian EPS (terhad kepada 70% daripada pendapatan berkanun)		74,444 ¹⁰	15,556 ¹¹
Pendapatan yang boleh dikenakan cukai	160,000	110,741	49,259

¹²**Pendapatan berkanun dibahagikan kepada dua (2) aktiviti** di atas berdasarkan kos nenas dari ladang sendiri dan kos nenas yang dibeli dan dikira seperti berikut:

$$\begin{aligned}
 \text{Pendapatan berkanun daripada perniagaan menggunakan nenas dari lading sendiri} &= \frac{1,000,000^3 \times 250,000^{12}}{1,350,000^5} \\
 &= 185,185^{13} \\
 \text{Pendapatan berkanun daripada pengilangan menggunakan nenas yang dibeli} &= \frac{350,000^4 \times 250,000^{12}}{1,350,000^5} \\
 &= 64,815^{14}
 \end{aligned}$$

Kos jualan adalah asas yang boleh diterima dalam menentukan bahagian pendapatan berkanun berhubung dengan pengilangan barang. Asas pembahagian yang lain yang adil dan munasabah dalam menentukan pendapatan berkanun boleh digunakan selagi diguna pakai secara konsisten.

Pembahagian EPS diringkaskan seperti berikut:



Contoh 2

Syarikat B menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun dan telah menjalankan aktiviti berikut sejak 2010:

- | | | |
|--|---|------------------|
| (a) Penanaman nenas; | } | Projek bersepadu |
| (b) Pengilangan nenas dalam tin; dan | | |
| (c) Penjualan laici dalam tin yang diimport. | | |

Syarikat B mempunyai ladang nenas seluas 10 ekar. Buah segar dari ladang akan dihantar ke tiga-tiga (3) loji pengilangan syarikat untuk mengeluarkan nenas dalam tin. Bagi memenuhi permintaan pasaran untuk nenas dalam tin, Syarikat B perlu membeli buah segar dari ladang yang berdekatan dan penanam berskala kecil lain.

Syarikat B juga mengimport laici dalam tin untuk dijual kepada peruncit di Malaysia. Dalam tahun 2018, syarikat menjalankan aktiviti berikut:

- (a) Aktiviti pertanian

Syarikat memutuskan untuk menjalankan suatu projek yang layak dengan membersihkan dan menyediakan tanah tambahan seluas dua (2) ekar untuk menanam nenas dengan kos RM50,000¹⁵.

- (b) Aktiviti pengilangan

- (i) Syarikat membeli jentera baharu untuk loji pengilangan kedua dengan kos RM100,000¹⁶ untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran nenas dalam tin.
- (ii) Syarikat juga memutuskan untuk mempelbagaikan pengeluaran kepada pengilangan rambutan dalam tin di loji pengilangan ketiga dengan membeli sebuah mesin baharu pada kos RM400,000¹⁷. Syarikat perlu membeli rambutan segar dari tempat lain untuk aktiviti pengilangan pelbagai itu.

Jumlah kos pengeluaran dalam tahun 2018	RM
Jumlah kos pengeluaran nenas segar dari ladang sendiri	1,000,000 ¹⁸
Jumlah kos untuk membeli nenas tambahan	350,000 ¹⁹
Jumlah kos untuk membeli rambutan segar	500,000 ²⁰
Jumlah kos untuk membeli laici dalam tin	<u>150,000²¹</u>
	<u>2,000,000²²</u>

EPS dibenarkan untuk perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas projek yang layak.

Projek yang layak	Perbelanjaan modal RM	Perbelanjaan modal yang layak untuk EPS RM
1. <u>Aktiviti pertanian</u> Pembersihan dan penyediaan tanah ladang tambahan untuk menanam nenas (pembesaran perniagaan)	50,000 ¹⁵	50,000 X 60% = 30,000 ²³
2. <u>Aktiviti pengilangan</u> Jentera baharu untuk loji pengilangan kedua bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran nenas dalam tin (pembesaran perniagaan)	100,000 ¹⁶	100,000 X 60% = 60,000 ²⁴
Pembahagian berdasarkan kos nenas dari ladang sendiri dan kos nenas yang dibeli:		

(a) Projek bersepadu (pertanian dan pengilangan menggunakan nenas dari ladang sendiri)	$\frac{1,000,000^{18}}{1,350,000^{18\&19}} \times 60,000^{24}$ $= 44,444^{25}$
(b) Pengilangan menggunakan nenas yang dibeli	$\frac{350,000^{19}}{1,350,000^{18\&19}} \times 60,000^{24}$ $= 15,556^{26}$
3. Aktiviti pengilangan Jentera baharu untuk loji pengilangan ketiga bagi pengilangan rambutan dalam tin (kepelbagaian produk)	$400,000^{17} \times 60\%$ $= 240,000^{27}$

Penggunaan EPS bagi setiap projek yang layak:

Huraian	Projek bersepadu (pertanian dan pengilangan menggunakan nenas dari ladang sendiri) RM	Aktiviti pengilangan menggunakan nenas dan rambutan yang dibeli RM
EPS (pembersihan dan penyediaan tanah ladang tambahan)	30,000 ²³	Tidak berkaitan
EPS (mesin baharu untuk pengilangan nenas dalam tin)	44,444 ²⁵	15,556 ²⁶
EPS (mesin baharu untuk pengilangan rambutan dalam tin)	Tidak layak	240,000 ²⁷
Jumlah EPS	74,444	255,556
EPS terhad kepada 70% daripada pendapatan berkanun	(70% x 125,000 ³¹ = 87,500 terhad kepada 74,444 ²⁸)	(70% x 106,250 ³² = 74,375 terhad kepada 74,375 ²⁹)

Menurut perenggan 4A Jadual 7A ACP, tuntutan syarikat untuk EPS adalah seperti berikut:

Huraian	RM	Projek bersepadu (pertanian dan pengilangan menggunakan nenas dari ladang sendiri) RM	Aktiviti pengilangan menggunakan nenas dan rambutan yang dibeli RM	Jualan laici dalam tin yang diimport RM
TT 2018				
Pendapatan kasar	3,500,000			
Tolak: Perbelanjaan yang dibenarkan di bawah seksyen 33 dan elaun Jadual 3	3,250,000			
Pendapatan berkanun	250,000 ³⁰	125,000 ³¹	106,250 ³²	18,750 ³³
EPS (pembersihan dan penyediaan tanah ladang tambahan)	30,000 ²³			
EPS (jentera baharu)	300,000 ^{24&27}			
Pembahagian EPS (terhad kepada 70% daripada pendapatan berkanun)		74,444 ²⁸	74,375 ²⁹	
Pendapatan yang boleh dikenakan cukai	101,181	50,556	31,875	18,750

³⁰**Pendapatan berkanun dibahagikan kepada tiga (3) aktiviti** di atas berdasarkan kos nenas dari ladang sendiri, kos nenas dan rambutan yang dibeli dan kos laici dalam tin yang diimport dan dikira seperti berikut:

Pendapatan berkanun daripada pengilangan menggunakan nenas dari ladang sendiri	=	$\frac{1,000,000^{18}}{2,000,000^{22}} \times 250,000^{30}$
	=	125,000 ³¹
Pendapatan berkanun daripada pengilangan menggunakan nenas dan rambutan yang dibeli	=	$\frac{850,000^{19 \ \&20}}{2,000,000^{22}} \times 250,000^{30}$
	=	106,250 ³²
Pendapatan berkanun daripada perdagangan laici dalam tin yang diimport	=	$\frac{150,000^{21}}{2,000,000^{22}} \times 250,000^{30}$
	=	18,750 ³³

8. Tempoh yang Layak

- 8.1 Sebuah syarikat layak menuntut EPS selama 15 tahun taksiran berturut-turut.
- 8.2 Sekiranya tuntutan EPS dan EPS Tambahan syarikat berakhir pada atau sebelum TT2019, maka syarikat tersebut berhak membuat tuntutan EPS di bawah pakej PENJANA (EPS PENJANA).
- 8.3 Sila rujuk KU No. 10/2022 bertajuk Elaun Pelaburan Semula Bahagian I – Aktiviti Pengilangan di bawah perenggan 9 yang menerangkan tempoh EPS yang layak dituntut oleh syarikat.

9. Layanan Cukai

- 9.1 Sebuah syarikat yang layak boleh menuntut suatu amaun EPS yang bersamaan dengan 60% daripada perbelanjaan modal berhubung dengan projek pertanian di Malaysia bagi tujuan mana-mana projek yang layak, yang dilakukan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran.
- 9.2 EPS ditolak daripada pendapatan berkanun perniagaan tetapi terhad kepada 70% daripada pendapatan berkanun tersebut.

10. Elaun Pelaburan Semula yang Tidak Dapat Diserap

- 10.1 Sebelum TT 2019, jika projek yang layak telah siap, EPS hantar ke hadapan (jika ada) dibenarkan untuk ditolak daripada bahagian pendapatan berkanun daripada perniagaan berkaitan dengan projek yang layak sehingga kesemua EPS diserap sepenuhnya. Pembahagian pendapatan berkanun daripada perniagaan berkaitan dengan projek yang layak diteruskan sehingga kesemua EPS diserap sepenuhnya.
- 10.2 Namun, mulai TT 2019, baki EPS yang tidak dapat diserap hanya boleh dihantar ke hadapan untuk diserap sehingga tempoh maksimum tujuh (7) TT berturut-turut. Pengiraan tempoh maksimum tujuh (7) TT berturut-turut bermula sebaik selepas tamat tempoh yang layak untuk tuntutan EPS. Apa-apa baki EPS yang tidak dapat diserap pada akhir tempoh tujuh (7) tahun taksiran berturut-turut tersebut akan diabaikan.

Contoh 3

Aktiviti perniagaan utama Syarikat C adalah penanaman rambutan dan pengilangan rambutan dalam tin. Syarikat telah membuat tuntutan EPS pada pertama kali dalam TT 2005. Oleh itu, tempoh kelayakan EPS bermula dari TT 2005 hingga TT 2019.

Dalam TT 2019, syarikat membeli loji dan jentera yang berharga RM1,500,000³⁴ untuk projek automasi bagi pengilangan rambutan dalam tin.

Jumlah kos pengeluaran dalam tahun 2019	RM
Jumlah kos pengeluaran rambutan segar dari ladang sendiri	1,200,000 ³⁵
Jumlah kos untuk membeli rambutan tambahan	<u>800,000³⁶</u>
	<u>2,000,000³⁷</u>

EPS dibenarkan untuk perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas projek yang layak.

Projek yang layak	Perbelanjaan modal RM	Perbelanjaan modal yang layak bagi EPS RM
<u>Aktiviti pengilangan</u> Mesin baharu untuk pengilangan rambutan dalam tin (projek automasi)	1,500,000 ³⁴	$1,500,000 \times 60\% = 900,000^{38}$
Pembahagian berdasarkan kos rambutan dari ladang sendiri dan kos rambutan yang dibeli:		
(a) Projek bersepadu (pertanian dan pengilangan menggunakan rambutan dari ladang sendiri)	$\frac{1,200,000^{35}}{2,000,000^{37}} \times 900,000^{38} = 540,000^{39}$	
(b) Pengilangan menggunakan rambutan yang dibeli	$\frac{800,000^{36}}{2,000,000^{37}} \times 900,000^{38} = 360,000^{40}$	

Penggunaan EPS bagi setiap projek yang layak:

Huraian	Projek bersepadu (pertanian dan pengilangan menggunakan rambutan dari ladang sendiri) RM	Aktiviti pengilangan menggunakan rambutan yang dibeli RM
EPS (jentera baharu untuk pengilangan rambutan dalam tin)	540,000 ³⁹	360,000 ⁴⁰
EPS terhad kepada 70% daripada pendapatan berkanun	$(70\% \times 420,000^{44} = 294,000 \text{ terhad kepada } 294,000^{41})$	$(70\% \times 280,000^{45} = 196,000 \text{ terhad kepada } 196,000^{42})$
EPS hantar ke hadapan	246,000 (540,000 – 294,000)	164,000 (360,000 – 196,000)

Menurut perenggan 4A Jadual 7A ACP, tuntutan syarikat untuk EPS adalah seperti berikut:


Huraian	RM	Projek bersepadu (pertanian dan pengilangan menggunakan rambutan dari ladang sendiri) RM	Aktiviti pengilangan menggunakan rambutan yang dibeli RM
TT 2019			
Pendapatan berkanun	700,000 ⁴³	420,000 ⁴⁴	280,000 ⁴⁵
Tolak: Pembahagian EPS (terhad kepada 70% daripada pendapatan berkanun)	900,000 ^{39&40}	294,000 ⁴¹	196,000 ⁴²
Pendapatan yang boleh dikenakan cukai		126,000	84,000
EPS dihantar ke hadapan	410,000 ⁴⁶	246,000	164,000

⁴³**Pendapatan berkanun dibahagikan kepada dua (2) aktiviti** di atas berdasarkan kos rambutan dari ladang sendiri dan kos rambutan yang dibeli dan dikira seperti berikut:

Pendapatan berkanun daripada pengilangan menggunakan rambutan dari ladang sendiri	=	$\frac{1,200,000^{35}}{2,000,000^{37}} \times 700,000^{43}$
	=	420,000 ⁴⁴
Pendapatan berkanun daripada pengilangan menggunakan rambutan yang dibeli	=	$\frac{800,000^{36}}{2,000,000^{37}} \times 700,000^{43}$
	=	280,000 ⁴⁵

Nota

EPS yang tidak dapat diserap dalam TT 2019 berjumlah RM410,000⁴⁶ boleh dihantar ke hadapan untuk diserap sehingga TT 2026 (tahun ke-7). Apa-apa baki EPS yang tidak dapat diserap dalam TT 2026 akan diabaikan dalam TT 2027.



- 10.3 Dalam keadaan di mana terdapat EPS yang tidak dapat diserap dalam TT 2018 dan amaun tersebut dihantar ke hadapan ke TT 2019, amaun tersebut akan dibenarkan dihantar ke hadapan untuk tempoh maksimum tujuh (7) TT berturut-turut bermula dari TT 2019 walaupun tempoh kelayakan EPS (15 tahun) telah tamat. Apa-apa EPS yang tidak dapat diserap selepas tamat tempoh tujuh (7) TT berturut-turut iaitu TT 2025 akan diabaikan.

Contoh 4

Aktiviti perniagaan utama Syarikat D ialah penanaman rambutan dan pengilangan rambutan dalam tin sejak tahun 2000. Syarikat telah membuat tuntutan EPS pada pertama kali dalam TT 2003. Oleh itu, tempoh kelayakan EPS untuk syarikat itu bermula dari TT 2003 hingga TT 2017.

Dalam TT 2018, syarikat mempunyai EPS yang tidak dapat diserap yang dibawa ke hadapan dari TT 2017 sebanyak RM350,000 dan RM650,000 untuk kedua-dua aktiviti pertanian dan pengilangan masing-masing walaupun tempoh yang layak bagi EPS telah tamat.

Jumlah kos pengeluaran dalam tahun 2018	RM
Jumlah kos pengeluaran rambutan segar dari ladang sendiri	980,000 ⁴⁷
Jumlah kos untuk membeli rambutan tambahan	<u>420,000⁴⁸</u>
	<u>1,400,000⁴⁹</u>
Jumlah kos pengeluaran dalam tahun 2019	RM
Jumlah kos pengeluaran rambutan segar dari ladang sendiri	1,080,000 ⁵⁰
Jumlah kos untuk membeli rambutan tambahan	<u>720,000⁵¹</u>
	<u>1,800,000⁵²</u>
Jumlah kos pengeluaran dalam tahun 2020	RM
Jumlah kos pengeluaran rambutan segar dari ladang sendiri	900,000 ⁵³
Jumlah kos untuk membeli rambutan tambahan	<u>600,000⁵⁴</u>
	<u>1,500,000⁵⁵</u>

Penggunaan EPS bagi setiap projek yang layak:

Huraian	Projek bersepadu (pertanian dan pengilangan menggunakan rambutan dari ladang sendiri) RM	Aktiviti pengilangan menggunakan rambutan yang dibeli RM
TT 2018		
EPS bawa ke hadapan	350,000	650,000
EPS terhad kepada 70% daripada pendapatan berkanun	$(70\% \times 350,000 = 245,000$ terhad kepada 245,000 ⁵⁶)	$(70\% \times 150,000 = 105,000$ terhad kepada 105,000 ⁵⁷)
EPS hantar ke hadapan	105,000 (350,000 – 245,000)	545,000 (650,000 – 105,000)
TT 2019		
EPS bawa ke hadapan	105,000	545,000
EPS terhad kepada 70% daripada pendapatan berkanun	$(70\% \times 420,000 = 294,000$ terhad kepada EPS bawa ke hadapan 105,000 ⁵⁸)	$(70\% \times 280,000 = 196,000$ terhad kepada 196,000 ⁵⁹)
EPS hantar ke hadapan	Tiada (105,000 – 105,000)	349,000 (545,000 – 196,000)
TT 2020		
EPS bawa ke hadapan	Tiada	349,000
EPS terhad kepada 70% daripada pendapatan berkanun	Tiada	$(70\% \times 480,000 = 336,000$ terhad kepada 336,000 ⁶⁰)
EPS hantar ke hadapan	Tiada	13,000 (349,000 – 336,000)

Menurut perenggan 4A Jadual 7A ACP, tuntutan syarikat untuk EPS adalah seperti berikut:

Huraian	RM	Projek bersepadu (pertanian dan pengilangan menggunakan rambutan dari ladang sendiri) RM	Aktiviti pengilangan menggunakan rambutan yang dibeli RM
TT 2018			
Pendapatan berkanun	500,000 ⁶¹	350,000 ⁶²	150,000 ⁶³
EPS bawa ke hadapan • 350,000 (pertanian) • 650,000 (pengilangan)	1,000,000		
Tolak: Pembahagian EPS (terhad kepada 70% daripada pendapatan berkanun)		245,000 ⁵⁶	105,000 ⁵⁷
Pendapatan yang boleh dikenakan cukai		105,000	45,000
EPS hantar ke hadapan		105,000	545,000

TT 2019			
Pendapatan berkanun	700,000 ⁶⁴	420,000 ⁶⁵	280,000 ⁶⁶
EPS bawa ke hadapan • 105,000 (pertanian) • 545,000 (pengilangan)	650,000		
Tolak: Pembahagian EPS (terhad kepada 70% daripada pendapatan berkanun)	490,000	105,000 ⁵⁸	196,000 ⁵⁹
Pendapatan yang boleh dikenakan cukai		315,000	84,000
EPS hantar ke hadapan		Tiada (105,000 – 105, 000)	349,000 (545,000 – 196,000)
TT 2020			
Pendapatan berkanun	1,200,000 ⁶⁷	720,000 ⁶⁸	480,000 ⁶⁹
EPS bawa ke hadapan (pengilangan)	349,000		
Tolak: Pembahagian EPS (terhad kepada 70% daripada pendapatan berkanun)			336,000 ⁶⁰
Pendapatan yang boleh dikenakan cukai		720,000	144,000
EPS hantar ke hadapan			13,000

Pendapatan berkanun dibahagikan kepada dua (2) aktiviti di atas berdasarkan kos rambutan dari ladang sendiri dan kos rambutan yang dibeli dan dikira seperti berikut:

TT 2018

$$\begin{aligned} \text{Pendapatan berkanun daripada} &= \frac{980,000^{47}}{1,400,000^{49}} \times 500,000^{61} \\ \text{pengilangan menggunakan rambutan} & \\ \text{dari ladang sendiri} &= 350,000^{62} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Pendapatan berkanun daripada} &= \frac{420,000^{48}}{1,400,000^{49}} \times 500,000^{61} \\ \text{pengilangan menggunakan rambutan} & \\ \text{yang dibeli} &= 150,000^{63} \end{aligned}$$

TT 2019

$$\begin{aligned} \text{Pendapatan berkanun daripada} &= \frac{1,080,000^{50}}{1,800,000^{52}} \times 700,000^{64} \\ \text{pengilangan menggunakan rambutan dari} & \\ \text{ladang sendiri} &= 420,000^{65} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Pendapatan berkanun daripada} &= \frac{720,000^{51}}{1,800,000^{52}} \times 700,000^{64} \\ \text{pengilangan menggunakan rambutan} & \\ \text{yang dibeli} &= 280,000^{66} \end{aligned}$$

TT 2020

$$\begin{aligned} \text{Pendapatan berkanun daripada} &= \frac{900,000^{53}}{1,500,000^{55}} \times 1,200,000^{67} \\ \text{pengilangan menggunakan rambutan dari} & \\ \text{ladang sendiri} &= 720,000^{68} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Pendapatan berkanun daripada} &= \frac{600,000^{54}}{1,500,000^{55}} \times 1,200,000^{67} \\ \text{pengilangan menggunakan rambutan} & \\ \text{yang dibeli} &= 480,000^{69} \end{aligned}$$

Nota

EPS yang tidak dapat diserap dalam TT 2018 boleh dihantar ke hadapan untuk diserap dalam TT 2019 sehingga TT 2025 (tahun ke-7). Dalam contoh di atas, Syarikat D berupaya menjana pendapatan berkanun untuk menyerap kesemua EPS sehingga TT 2019 bagi projek bersepadu. Oleh itu, tiada EPS yang tidak dapat diserap yang akan diabaikan bagi projek tersebut.

Manakala, bagi aktiviti pengilangan, EPS yang tidak dapat diserap berjumlah RM13,000 dalam TT 2020 boleh dihantar ke hadapan untuk diserap dalam TT berikutnya sehingga TT 2025. Sekiranya syarikat tidak dapat menjana pendapatan berkanun yang boleh menyerap EPS yang tidak dapat diserap tersebut, maka baki EPS yang tidak dapat diserap akan diabaikan dalam TT 2026.

- 10.4 Baki EPS PENJANA yang tidak dapat diserap hendaklah dikira berasingan daripada baki EPS yang tidak dapat diserap. Baki EPS PENJANA yang tidak dapat diserap hanya boleh dibenarkan untuk dihantar ke hadapan untuk diserap sehingga tempoh maksimum 7 tahun taksiran berturut-turut setelah tempoh kelayakan EPS PENJANA tamat iaitu pada TT 2024. Pengiraan tempoh 7 tahun bagi amaun EPS PENJANA belum diserap terkumpul bermula daripada TT2025. Sekiranya terdapat baki EPS PENJANA yang tidak dapat diserap pada akhir TT 2031, amaun tersebut akan diabaikan.

Contoh 5

Aktiviti perniagaan utama Potato Crisp Sdn Bhd adalah menjalankan aktiviti bersepadu penanaman ubi dan pengilangan potato crisp sejak tahun 2003. Syarikat telah membuat tuntutan EPS pada pertama kali dalam TT 2004. Oleh itu, tempoh kelayakan EPS telah tamat pada TT 2018.

Baki EPS yang belum diserap yang dibenarkan untuk dibawa ke hadapan dalam TT 2022 adalah RM680,000 untuk aktiviti bersepadu.

Pada TT 2022, syarikat telah melakukan perbelanjaan modal bagi projek yang layak untuk aktiviti pertanian bersepadu dan syarikat menuntut EPS PENJANA seperti berikut:

Huraian	Projek bersepadu (penanaman ubi dan pengilangan potato crisp) RM
EPS (pembersihan dan penyediaan tanah ladang tambahan)	360,000
EPS (jentera baharu untuk pengilangan Potato crisp)	540,000

Oleh kerana tempoh EPS telah tamat pada TT 2018, syarikat boleh menuntut EPS PENJANA mulai TT2022 ke atas perbelanjaan modal layak yang dilakukan pada tahun taksiran tersebut. Jumlah perbelanjaan modal layak TT 2022 bagi tujuan tuntutan EPS PENJANA adalah RM900,000.

Pengiraan cukai bagi TT 2022 hingga TT 2025 adalah seperti berikut:

BUTIRAN	RM	RM	EPS H/H (RM)	
			15 THN	PENJANA
TT 2022				
Pendapatan Berkanun		500,000	680,000	190,000
Tolak:				
EPS PENJANA tahun semasa [900,000 x 60%]	540,000			
EPS PENJANA dituntut terhad [70% x 500,000]		(350,000)		
EPS 15 tahun b/h				
Pendapatan Bercukai		<u>150,000</u>		
TT 2023				
Pendapatan Berkanun		600,000	260,000	190,000
Tolak:				
EPS 15 tahun b/h	680,000			
EPS dituntut terhad [70% x 600,000]		(420,000)		
EPS PENJANA b/h				

BUTIRAN	RM	RM	EPS H/H (RM)	
			15 THN	PENJANA
Pendapatan Bercukai		180,000		
TT 2024				
Pendapatan Berkanun		200,000		
Tolak:				
EPS 15 tahun b/h	260,000			
EPS dituntut terhad [70% x 200,000]		(140,000)	120,000	
EPS PENJANA b/h				190,000
Pendapatan Bercukai		60,000		
TT 2025				
Pendapatan Berkanun		100,000		
Tolak:				
EPS 15 tahun b/h	120,000			
EPS dituntut terhad [70% x 100,000]		(70,000)	50,000 ⁷⁰	
EPS PENJANA b/h				190,000 ⁷¹
Pendapatan Bercukai		30,000		

Nota

Baki EPS yang tidak dapat diserap dalam TT 2025 berjumlah RM50,000⁷⁰ akan diabaikan.

Baki EPS PENJANA yang tidak dapat diserap berjumlah RM190,000⁷¹ dalam TT 2024 boleh dihantar ke hadapan untuk diserap mulai TT 2025 sehingga TT 2031 (tahun ketujuh). Baki EPS PENJANA yang tidak dapat diserap akan diabaikan dalam TT 2032.

11. Prosedur Tuntutan

- 11.1 Tuntutan untuk EPS hendaklah dibuat dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan yang berkenaan.
- 11.2 Tuntutan EPS yang dibuat tidak memerlukan kelulusan bertulis daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM). Namun, tuntutan tersebut hendaklah direkod dalam borang tuntutan EPS yang boleh dimuat turun daripada Portal Rasmi LHDNM.
- 11.3 Salinan asal borang tuntutan EPS hendaklah disimpan oleh orang yang menuntut bersama-sama dengan semua dokumen yang berkaitan dengan tuntutan tersebut.

12. Kemas Kini dan Pindaan

KU ini menggantikan KU No.11/2020 yang dikeluarkan pada 10 November 2020 dan perlu dibaca bersama dengan KU No. 10/2022 bertajuk Elaun Pelaburan Semula Bahagian I – Aktiviti Pengilangan	Pindaan	
	Kandungan KU ini telah dipinda dan dikemas kini seperti berikut:	
	Perenggan	Penerangan
	7	Subperenggan 7.1 mengemaskini rujukan KU
	8	Perenggan 8 terdahulu dikemaskini dan dinomborkan semula sebagai perenggan 10 Subperenggan 10.4 dimasukkan Contoh 5 baharu dimasukkan dalam subperenggan 10.4
	9	Perenggan 9 terdahulu dikemaskini dan dinomborkan semula sebagai perenggan 11

	10	Perenggan 10 terdahulu dikemaskini dan dinomborkan semula sebagai perenggan 12
	11	Perenggan 11 terdahulu dikemaskini dan dinomborkan semula sebagai perenggan 13
	Perenggan baharu 8 dan 9 dimasukkan.	

13. Penafian

Contoh di dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**